



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

The Observer

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti kini di LinkedIn. Keberadaan MSWG di LinkedIn bertujuan meningkatkan kehadiran kami dalam media sosial selain menggalakkan penglibatan yang lebih berkesan dengan pihak berkepentingan. Ikuti akaun LinkedIn MSWG di <https://www.linkedin.com/company/mswg-malaysia/> dan akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia untuk berkongsi pendapat anda dengan kami dari semasa ke semasa.

13.01.2023

❖ **Ubah strategi model perniagaan berikutan kebimbangan ESG yang memuncak**

Berita yang melaporkan sesetengah syarikat tempatan gagal mematuhi keperluan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance, ESG*) telah berada dalam radar sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Ia memperlihatkan bahawa syarikat Malaysia masih belum menambah baik corak permainan iaitu penerapan faktor ESG ke dalam gelanggang perniagaan mereka.

Walau bagaimanapun, adalah tidak adil jika kami memukul secara rata semua syarikat dengan perwatakan yang sama. Kami telah melihat banyak contoh syarikat yang mengubah haluan untuk menyesuaikan diri dengan lebih baik dalam iklim perniagaan yang sentiasa berkembang dan berkisar pada agenda ESG.

Sebagai contoh, dalam sebuah AGM yang diadakan baru-baru ini, sebuah konglomerat terpelbagai dari Malaysia Timur memaklumkan para pemegang saham bahawa mereka sedang mengkaji semula aktiviti penerokaan dan perlombongan berikutan kebimbangan yang meningkat terhadap ESG. Syarikat itu memulakan perniagaan perlombongan emas pada tahun 2015, iaitu sebelum topik ESG meraih perhatian pelabur.

Syarikat tersebut menyatakan bahawa ia sedang berusaha untuk bekerjasama dengan pihak yang mampu mengekstrak emas dengan cara yang lebih mampan dan mesra alam berbanding kaedah larut lesap sianida yang amat kontroversi namun digunakan secara meluas. Di samping itu, ia tidak menolak kemungkinan untuk keluar sepenuhnya daripada perniagaan perlombongan.

Sianida biasanya digunakan dalam proses karbon-dalam-larut lesap untuk mengekstrak emas daripada bijih. Walau bagaimanapun, sebatian kimia ini sangat toksik, menyebabkan potensi bahaya kepada alam sekitar, ekosistem dan manusia, seperti yang kita lihat dalam kes isu perlombongan emas di Bukit Koman, Pahang pada akhir dekad 2000-an dan awal 2010-an.

Sekiranya Syarikat membuat keputusan untuk menarik diri daripada perniagaan perlombongan emas, ia akan melibatkan kos yang tinggi kepada Syarikat dan

pemegang sahamnya kerana berjuta-juta ringgit telah dikumpulkan dan dibelanjakan untuk usaha niaga ini selama ini.

Selain itu, Syarikat berdepan risiko dan mungkin dikehendaki merosot nilai dan menghapus kira jumlah dibawa untuk perbelanjaan carigali yang diiktiraf sebagai sebahagian daripada asetnya dalam kunci kira-kira.

Dalam contoh lain, Perak Transit Berhad yang tersenarai di Bursa Malaysia baru-baru ini telah menghentikan usaha sama (*joint venture*, JV) yang menjalankan aktiviti perlombongan batu kapur dan pasir silika di Perak. Perak Transit ditugaskan untuk menjalankan perkhidmatan pengurusan projek bagi tapak perlombongan di bawah perjanjian JV dengan rakan kongsi JVnya iaitu Gemas Perunding Sdn Bhd.

Perak Transit dalam satu pengumuman kepada Bursa Malaysia bertarikh 7 Disember 2022 menyatakan bahawa perjanjian JV itu ditamatkan berikutan kebimbangan terhadap kesan alam sekitar yang disebabkan oleh operasi perlombongan batu kapur dan pasir silika. Ia berharap pemberhentian operasi pengurusan perlombongan ini yang merupakan perniagaan bukan teras, akan meningkatkan piawaian ESG dan tadbir urus korporatnya serta mengurangkan jejak karbon secara keseluruhan.

Kesimpulan

Industri perlombongan sering dianggap sebagai “antagonis” dalam konteks kelestarian alam sekitar, walaupun sumbangan mereka untuk menyediakan bahan mentah masih diperlukan untuk aktiviti ekonomi.

Oleh itu, adalah tidak menghairankan apabila melihat sesebuah syarikat menyusun semula model perniagaan mereka berikutan tekanan sebenar atau yang dijangka daripada pihak berkepentingan utama, termasuk pihak berkuasa kawal selia, pelabur dan pemberi pinjaman. Ini mendorong mereka untuk menyepadukan dengan pantas amalan mampan ke dalam proses membuat keputusan.

Oleh yang demikian, perniagaan tidak mempunyai pilihan selain mencari laluan baharu untuk memastikan pertumbuhan pendapatan pada masa hadapan berikutan agenda ESG yang memberi tekanan kepada aktiviti operasi yang mempunyai jejak karbon yang tinggi.

Sesungguhnya kepimpinan adalah melalui teladan. Dengan menetapkan nada di barisan atas dan mengakui kepentingan ESG serta kemampanan terhadap perniagaan, pihak pengurusan dan lembaga pengarah boleh menangani isu ESG dengan lebih baik sebagai keperluan strategik untuk prestasi jangka panjang.

Aktivisme pemegang saham juga memainkan peranan yang penting untuk menyokong matlamat ESG. Para pelabur boleh menjalankan tanggungjawab mereka dengan meneliti komitmen dan usaha syarikat dalam mengurangkan pelepasan bahan buangan, pelepasan sifar bersih dan penyahkarbonan.

Akhir sekali, kami juga melihat kemunculan piawaian pelaporan, rangka kerja dan pengesyoran dengan lebih terperinci yang meletakkan syarikat berintensif sumber (contohnya, perlombongan, mineral, utiliti dan syarikat minyak) di bawah tekanan

yang besar untuk memantau dan melaporkan sebaran bahan buangan serta jejak karbon syarikat secara terperinci.

Apapun, usaha kolektif amat diperlukan untuk memupuk budaya korporat yang mengambil serius hal-hal yang berkaitan kemampuan.

Lim Cian Yai
Pengurus, Pemantauan Korporat

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 16 hingga 20 Januari 2023

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
17.01.23 (Selasa) 10.00 pagi	Fraser & Neave Holdings Bhd (AGM)	Untuk mesyuarat ini, para pemegang saham F&N berkemungkinan akan memberikan tumpuan kepada usaha sulung Kumpulan dalam perniagaan ladang tenusu huluhan serta usaha untuk memperkukuh segmen makanan Halal yang dibungkus supaya dapat menjadi pemacu pendapatan utama bagi Kumpulan. F&N dilaporkan akan membelanjakan RM700 - RM800 juta sebagai perbelanjaan modal bagi perniagaan ladang tenusu ini. Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan dijangka akan membentangkan lebih banyak butiran mengenai rancangan baharu Kumpulan dalam AGM ini.
17.01.23 (Selasa) 11.00 pagi	Homeritz Corporation Berhad (AGM)	Homeritz mencatatkan prestasi kewangan yang lebih teguh pada tahun kewangan 2022 dengan pertumbuhan pendapatan dan untung bersih masing-masing sebanyak 47.5% dan 83.9%. Prestasi pendapatan yang bertambah baik didorong oleh volum jualan produk perabot yang lebih tinggi selain dolar AS yang lebih kukuh.

		<p>Sementara itu, lonjakan dalam keuntungan adalah disumbangkan oleh tahap jualan yang lebih tinggi yang membolehkan Kumpulan mencapai skala ekonomi yang lebih baik.</p>
17.01.23 (Selasa) 03.00 petang	PLB Engineering Berhad (AGM)	<p>Pendapatan PLB bagi tahun kewangan 2022 sedikit menyusut iaitu berjumlah RM189.26 juta berbanding RM190.73 juta pada tahun sebelumnya.</p> <p>Bagaimanapun, prestasi syarikat bertukar menjadi rugi pada tahun kewangan 2022 disebabkan oleh peruntukan rosot nilai tidak berulang berjumlah RM30 juta yang dibuat ke atas hartanah, loji dan peralatan, berbanding untung sebelum cukai sebanyak RM9.58 juta pada tahun sebelumnya.</p>
18.01.23 (Rabu) 10.00 pagi	ELK-Desa Resources Berhad (EGM)	<p>EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan pelaksanaan terbitan bonus iaitu menerbitkan sehingga 151.6 juta saham baharu pada asas satu saham ELK-Desa baharu bagi setiap dua saham ELK-Desa sedia ada yang dipegang.</p>
19.01.23 (Khamis) 10.00 pagi	My E.G. Services Berhad (EGM)	<p>EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan pengagihan 84 juta saham yang mewakili 25.8% kepentingan ekuiti yang dimiliki oleh My E.G. dalam Agmo Holdings Berhad kepada pemegang saham.</p> <p>Pengagihan yang dicadangkan akan dilaksanakan dalam dua peringkat melalui kaedah <i>dividend-in-specie</i> ("Cadangan <i>Dividend-in-Specie</i>").</p> <p>Cadangan <i>Dividend-in-Specie</i> ini tidak tertakluk kepada kelulusan pemegang saham. Walau bagaimanapun, My E.G. secara sukarela mahu mendapatkan kelulusan pemegang saham.</p>
19.01.23 (Khamis) 10.00 pagi	SYF Resources Berhad (EGM)	<p>SYF Resources berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang</p>

		<p>saham bagi cadangan berikut, yang berkaitan dengan keluarnya syarikat daripada perniagaan perabot dan menerokai perniagaan perkhidmatan kewangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) cadangan pelupusan perniagaan perabot (ii) cadangan pelupusan tanah pegangan bebas (iii) cadangan dividen khas dan/atau pembayaran balik modal (iv) cadangan pengambilalihan M & A Securities Sdn Bhd (v) cadangan terbitan hak (vi) cadangan terbitan terhad (vii) cadangan pengecualian (viii) cadangan pertukaran nama kepada M & A Equity Holdings Bhd.
--	--	---

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara / Isu penting untuk diketengahkan
Fraser & Neave Holdings Bhd (AGM)	<p>Sejak tahun kewangan 2020, pendapatan F&N berada dalam trajektori pertumbuhan, meningkat daripada RM3.99 bilion pada tahun kewangan 2020 kepada RM4.13 bilion (2021) dan kemudiannya kepada RM4.47 bilion pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Walau bagaimanapun, keuntungan (sebelum dan selepas cukai) merosot tahun demi tahun. Sementara itu, margin untung sebelum cukai menyusut daripada 13.1% pada tahun kewangan 2020 kepada 11.6% dan 10.2% masing-masing pada tahun kewangan 2021 dan tahun kewangan 2022.</p> <p>Bagi tahun kewangan 2022, untung sebelum cukai F&N terus merosot kepada RM454.1 juta daripada RM479.4 juta setahun yang lalu, walaupun syarikat mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi pada tahun kewangan 2022 yang disumbangkan oleh pelarasan harga produk.</p> <p>(Sumber: halaman 84 dan 85 Laporan Tahunan 2022)</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Secara purata, apakah kuantum pelarasan harga yang dibuat terhadap produk syarikat pada tahun kewangan 2022? b) Keuntungan dan margin yang menurun menunjukkan bahawa tahap kenaikan harga produk tidak memadai untuk mengimbangi sepenuhnya kesan daripada kenaikan kos.

	<p>Adakah Syarikat akan menaikkan lagi harga jualan produk bagi mengekalkan margin keuntungannya? Jika ya, apakah kuantun kenaikan yang sedang dipertimbangkan oleh syarikat?</p> <p>Memandangkan harga komoditi seperti aluminium, plat timah, minyak sawit dan kos pengangkutan semakin stabil, adakah Syarikat menjangkakan margin yang lebih baik pada masa hadapan?</p> <p>c) Apakah ruang untuk memperkemaskan lagi kos jualan dan perbelanjaan lain bagi meningkatkan keuntungan?</p>
<p>Homeritz Corporation Berhad (AGM)</p>	<p>Prospek bagi sektor perabot dijangka mencabar di tengah-tengah kelembapan dalam urus niaga pengimportan perabot berikutan pengimport mencairkan kedudukan mereka yang mempunyai lebih inventori. Trend ini dijangka berterusan kerana kenaikan kadar faedah menyebabkan kemerosotan dalam pasaran perumahan serta pendekatan berhati-hati oleh pengguna ketika berbelanja.</p> <p>a) Berlatarkan persekitaran yang mencabar ini, sila jelaskan prospek jualan anda bagi tahun kewangan 2023. Berapa banyakkah penurunan dalam pesanan (dalam segi peratusan) yang anda jangkakan pada tahun kewangan 2023?</p> <p>b) Homeritz menumpukan perhatian terhadap produk perabot upholsteri jenis sederhana hingga mewah, manakala rakan-rakan seindustri sebahagian besarnya terlibat dalam perabot berasaskan kayu. Memandangkan perbezaan produk ini, adakah Homeritz akan lebih terkecuali daripada kelembapan dalam tempahan perabot secara keseluruhan? Jika ya, sila jelaskan.</p>
<p>PLB Engineering Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan telah membuat keputusan untuk menghentikan dan menyerahkan pengurusan operasi tapak pelupusan di Pulau Burung kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang ("MBPP") dan Majlis Bandaraya Seberang Perai ("MBSP"). (Halaman 9, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Apakah cabaran yang dihadapi oleh Kumpulan sewaktu mengendalikan operasi tapak pelupusan yang akhirnya membawa kepada pemberhentian operasi tapak pelupusan tersebut?</p> <p>b) Sudah berapa lamakah syarikat itu menjalankan operasi tapak pelupusan sampah?</p> <p>c) Berapakah jumlah keuntungan/ (kerugian) terkumpul yang direkodkan oleh Kumpulan dari permulaan operasi di tapak pelupusan Pulau Burung sehingga pemberhentiannya?</p>

	<p>d) Apakah anggaran nilai boleh pulih, masing-masing daripada hartanah, loji dan peralatan yang timbul daripada pemberhentian operasi tapak pelupusan itu?</p> <p>e) Adakah Kumpulan sudah mengenal pasti apa-apa usaha perniagaan baharu selepas pemberhentian operasi tapak pelupusan? Jika ya, sila berikan butiran lanjut tentang usaha niaga baharu itu.</p> <p>f) Apakah rancangan Syarikat terhadap kakitangan Syarikat yang telah diberhentikan kerja selepas Syarikat menghentikan operasi tapak pelupusan sampah di Pulau Burung?</p>
--	---

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (clint.loh@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.